

# Semua kaum boleh sertai sektor awam

U.M. 11/12/07 M/S 13  
KUALA LUMPUR 10 Dis. - Kement-  
erian Kebudayaan, Kesenian dan Wari-  
san (KeKKWa) mahu sekurang-kurang-  
nya 10 hingga 15 peratus pekerja sektor  
awam adalah terdiri daripada kaum  
bukan Melayu.

Menterinya, Datuk Seri Utama Dr.  
Rais Yatim berkata, kaum bukan Melayu  
digalakkan berkhidmat dalam sektor  
awam bagi menepis tanggapan sesete-  
ngah pihak kononnya hanya orang Me-  
layu sahaja yang dipilih untuk bekerja  
dengan kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan dari dulu  
sampai sekarang tidak pernah pilih ka-  
sih antara orang Melayu dan kaum lain,  
malah menggalakkan semua kaum be-  
kerja dalam perkhidmatan awam.

“Jika dilihat kini, kaum bukan Melayu  
dalam sesebuah sektor kerajaan itu ha-  
nya terdiri daripada bilangan yang kecil  
sedangkan banyak perkara misalnya da-  
lam kesenian yang kaum lain boleh  
sumbangkan dan berkongsi bersama  
kaum Melayu,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada  
pemberita selepas menyampaikan Anu-  
gerah Perkhidmatan Cemerlang 2006  
kepada 246 kakitangan KeKKWa di sini  
hari ini.

Penerima anugerah turut mendapat  
sijil penghargaan serta cek bernilai  
RM1,000 setiap seorang.

Menurut Rais, anugerah itu merupa-  
kan penghargaan di atas kecemerlangan  
yang ditunjukkan oleh warga KeKKWa  
dalam menghasilkan kerja bermutu  
tinggi.

“Peningkatan jumlah penerima dari  
tahun ke tahun memberikan keyakinan  
kepada saya bahawa kakitangan KeKK-  
Wa telah memberikan perkhidmatan  
yang cemerlang dan memenuhi kepuas-  
an pelanggan,” jelasnya.